



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**TEMPOH PENGENDALIAN E-CENSUS
BANCI PENDUDUK DAN PERUMAHAN (BPP) 2021 BERAKHIR**

Tarikh: 22 Julai 2021

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi ingin memaklumkan bahawa tempoh Peringkat Kedua Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2021 iaitu Pengendalian e-Census telah berakhir pada 21 Julai 2021.
2. JPES sukacita merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada orang ramai di atas sokongan dan kerjasama yang diberikan. Alhamdulillah hampir separuh dari jumlah keluarga/isirumah di negara ini telah mendaftar dan menggunakan kaedah baharu dalam talian ini bagi mengisikan maklumat banci masing-masing.
3. Bagi Ketua Keluarga/Isirumah yang telah mendaftar dalam e-Census tetapi belum melengkapkan kesemua soalan banci adalah diingatkan untuk menyelesaikannya secepat mungkin sebelum hari Ahad, 25 Julai 2021.
4. Manakala keluarga/isirumah yang tidak menggunakan e-Census akan diliputi semasa Peringkat Ketiga BPP 2021: Temuduga Bersemuka mulai 2 hingga 29 Ogos 2021. Pegawai-pegawai banci yang dilantik akan mengunjungi tempat kediaman keluarga/isirumah berkenaan untuk menemuduga ketua dan setiap ahli bagi mengumpulkan maklumat yang diperlukan mengenai ciri-ciri perumahan dan demografi termasuk pendidikan, pekerjaan, kesihatan dan juga aktiviti riadah.

"BPP 2021: Pastikan Awda Dihitung Untuk Masa Depan Kitani"



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

POPULATION AND HOUSING CENSUS (BPP) 2021
E-CENSUS IMPLEMENTATION PERIOD ENDS

Date: 22 July 2021

1. *The Department of Economic Planning and Statistics (JPES), Ministry of Finance and Economy would like to inform that the Second Stage of the Population and Housing Census (BPP) 2021: e-Census Implementation has ended on 21 July 2021.*
2. *JPES would like record our sincere gratitude and appreciation to the public for the support and cooperation. Alhamdulillah nearly half of the total households in Brunei Darussalam have registered and used this new on-line approach for filling in their census details.*
3. *Heads of households who have registered for e-Census but have yet to complete their census questionnaires are reminded to do so as soon as possible before this Sunday, 25 July 2021.*
4. *Meanwhile, households that have not used the e-Census will be covered during the Third Stage of BPP 2021: Face-to-Face Interview from 2 to 29 August 2021. Appointed Census Officers will visit their living quarters to interview the head and each member of the household to gather the required information on housing and demographic characteristics including education, employment, health and leisure activities.*

"BPP 2021: Be Counted, For Our Future".